

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2001

=====

PENGEKSPORTAN PASIR KE LUAR NEGARA

Merujuk kepada perkara di atas dan surat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan melaluisurat KTPK/101/SP & HP(S) 8-2 Jld.2 (51) bertarikh 15.9.2000 telah memaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 23.2.2000 telah memutuskan supaya tidak ada lagi lesen baru dikeluarkan untuk mengambil dan mengalihkan pasir-pasir laut bagi tujuan eksport ke Singapura.

2. Lanjutan daripada keputusan di atas, Jemaah Menteri di dalam mesyuarat pada 23.8.2000 telah bersetuju supaya pemegang-pemegang lesen sedia ada masih dibenarkan untuk mengeksport pasir sehingga tempoh lesen berkenaan tamat. Setelah tamat tempoh lesen tersebut, pembaharuan bagi lesen berkenaan adalah tidak dibenarkan. Ini untuk kegunaan dalam negeri sahaja yang boleh dipertimbangkan.

3. Sehubungan dengan itu, tuan adalah diminta untuk mengambil maklum dan tindakan yang sewajarnya mengenai perkara ini.

T.T
(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 23 JANUARI 2001.